

**PANDUAN PERMOHONAN BIASISWA  
DALAM NEGARA JABATAN  
PERKHIDMATAN AWAM**



**Kata-kata Aluan  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya, maka Buku Panduan JPA Edisi Keempat dapat diterbitkan sebagai satu usaha murni ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri meletakkan harapan yang tinggi terhadap keupayaan perkhidmatan awam sebagai penggerak kemajuan negara. Ia dizahirkan melalui teras kedua dan kelima RMK-9 yang menekankan aspek modal insan yang berminda kelas pertama dan meningkatkan keupayaan organisasi.

Realitinya, persekitaran perkhidmatan awam tidak lagi seperti biasa. Justeru, JPA perlu terus relevan melaksanakan peranan untuk menjelmakan manifestasi *stakeholders* kepada rakyat. JPA harus sentiasa mengamalkan prinsip *kaizen* bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan adalah berkualiti dan melangkuai kebiasaan.

Saya berharap agar semua usaha JPA dapat diterjemahkan melalui penerbitan Buku Panduan JPA Edisi Keempat ini. Semoga dengan penerbitan Buku Panduan JPA, segala urusan antara pelanggan dengan JPA dapat dipermudahkan dan dipercepatkan.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "J.S. Ismail Adam".

**(TAN SRI ISMAIL ADAM)**

## **1. PENGENALAN**

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyediakan program penajaan biasiswa kepada pelajar-pelajar IPT Awam dan IPT Swasta bagi melanjutkan pengajian mereka di peringkat Diploma dan Ijazah Pertama.

## **2. INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI YANG TERLIBAT**

- (a) Universiti Malaya;
- (b) Universiti Kebangsaan Malaysia;
- (c) Universiti Putra Malaysia;
- (d) Universiti Sains Malaysia;
- (e) Universiti Teknologi Malaysia;
- (f) Universiti Malaysia Sabah;
- (g) Universiti Malaysia Sarawak;
- (h) Universiti Utara Malaysia;
- (i) Universiti Islam Antarabangsa;
- (j) Universiti Teknologi MARA;
- (k) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia;

- (l) Universiti Teknikal Malaysia;
- (m) Universiti Sains Islam Malaysia;
- (n) Universiti Malaysia Terengganu;
- (o) Universiti Malaysia Perlis;
- (p) Universiti Malaysia Pahang;
- (q) Universiti Darul Iman;
- (r) Universiti Tenaga Nasional;
- (s) Universiti Multimedia; dan
- (t) Universiti Teknologi Petronas.
- (u) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

### **3. IKLAN DAN PERMOHONAN**

Iklan penajaan akan dikeluarkan dalam beberapa akhbar utama tempatan dan laman web JPA pada bulan Jun/Julai. Permohonan boleh dibuat secara aplikasi atas talian (*online*) secara percuma mulai tarikh iklan disiarkan.

### **4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- (a) *Syarat Asas*
  - (i) Warganegara Malaysia;

- (ii) Berumur tidak melebihi 19 tahun bagi peringkat Diploma dan 24 tahun bagi peringkat Ijazah Pertama pada 1 Julai tahun tawaran; dan
  - (iii) Menerima tawaran kemasukan dari mana-mana institusi seperti di perenggan 2 dan kursus/program tersebut mestilah diiktiraf oleh JPA.
- (b) *Syarat Khusus*
- (i) **Bidang bukan Perubatan/Pergigian/Farmasi**
    - Pelajar lepasan SPM perlu mendapat sekurang-kurangnya 2A dalam 7 mata pelajaran;
    - Pelajar lepasan STPM perlu mendapat sekurang-kurangnya Prinsipal B dalam 4 mata pelajaran;
    - Pelajar lepasan STAM perlu mendapat sekurang-kurangnya 4 mumtaz dan 5 jayyid Jiddan serta mempunyai kelulusan SPM.
    - Pelajar lepasan Matrikulasi dan lepasan Diploma perlu mendapat CGPA sekurang-kurangnya 3.30.
      - Matrikulasi : 3.30
      - Diploma : 3.50

**(ii) Bidang Perubatan / Pergigian / Farmasi  
(Peringkat Ijazah Pertama)**

- Pelajar dalam bidang-bidang tersebut tidak tertakluk kepada syarat khusus seperti di perenggan 4(ii).

**5. PENGHANTARAN DOKUMEN SOKONGAN**

Pelajar yang telah mengemukakan permohonan secara aplikasi dalam talian (*online*) dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan yang telah disahkan sebelum tarikh tutup permohonan iaitu :

- (a) Salinan keputusan peperiksaan bagi pelajar lepasan Diploma/*Alpha/Foundation* dan (STPM, STAM, SPM dan Matrikulasi bukan tahun semasa); dan
- (b) Bukti pendapatan keluarga (slip gaji atau Borang J).

**6. PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI**

Sekiranya pemohon mempunyai sebarang pertanyaan mengenai permohonan biasiswa dalam negara, sila hubungi pegawai berikut :

Bidang Tugas	Nama Pegawai
Pengarah, Bahagian Pembangunan Modal Insan	Datin Madinah bt Mohamad 03-88853005 (madinah@jpa.gov.my)

<b>Bidang Tugas</b>	<b>Nama Pegawai</b>
Timbalan Pengarah Cawangan Operasi	Encik Zainal Abidin bin Ahmad 03-8885 3010 <a href="mailto:zainalaa@jpa.gov.my">zainalaa@jpa.gov.my</a>
Ketua Unit Latihan Sebelum Perkhidmatan	Encik Jamalulail bin Abu Bakar 03-8885 3426 <a href="mailto:jamalulail.bakar@jpa.gov.my">jamalulail.bakar@jpa.gov.my</a>
Urusan Penawaran Pelajar Dalam Negeri	Encik Andinor bin Anuar 03-88853380 <a href="mailto:andinor.anuar@jpa.gov.my">andinor.anuar@jpa.gov.my</a>

### **ALAMAT SURAT MENYURAT**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
 Jabatan Perkhidmatan Awam  
 Bahagian Pembangunan Modal Insan  
 Aras 5, Blok C1, Kompleks C  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
 62510 W.P PUTRAJAYA  
**(u.p : Unit Latihan Sebelum Perkhidmatan)**

**Talian Utama : 03-8885 3000**  
**Hot-line : 03-8885 3049**  
**Faks : 03-8881 0745**  
**E-mel : [ispdn@jpa.gov.my](mailto:ispdn@jpa.gov.my)**

## CARTA ALIRAN

